

03/08/2000

Perihal isu penggiliran, fitnah dan tanggungjawab

Lichong Angkui

SEPERTI kapal meninggalkan pelabuhan meredah samudera, buih-buih ombak terus beralun di pesisiran pantai sekali pun bahtera sudah jauh belayar.

Demikianlah kesan lawatan tiga hari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sabah yang berakhir Jumaat lalu, berhubung isu penggiliran jawatan Ketua Menteri yang akhir-akhir ini menarik minat pelbagai pihak.

Sekalipun sudah hampir seminggu berlalu, lawatan Perdana Menteri kali ini masih hangat dibualkan. Ombak politik mengenai sistem penggiliran Ketua Menteri terus bergelora, berikutan kenyataan Dr Mahathir yang menyerahkan kepada rakyat Sabah berhubung sistem itu.

Ini bermakna, terpulang kepada penduduk Sabah membuat pendirian mengenainya. Seperti dijelaskan oleh Perdana Menteri, penduduk Sabah boleh membuat keputusan berhubung perkara itu walaupun beliau sendiri yang mula memperkenalkannya enam tahun lalu.

"Bagi saya, saya sedia menerima apa saja kehendak rakyat Sabah (berhubung sistem itu)," kata Dr Mahathir ketika menjawab soalan pemberita pada sidang akhbar di akhir lawatannya itu.

Penganalisis politik berpendapat, suatu mekanisme khusus perlu disediakan bagi membolehkan rakyat menyalurkan pandangan mereka. Ini perlu kerana wadah Barisan Nasional (BN) Sabah dan gagasan parti-parti komponen di negeri ini, tidak mungkin menjadi platform yang bersikap 'bebas' dalam membuat pertimbangan masing-masing.

Bagi parti politik kerabat BN yang ada kepentingan tersendiri, mereka tentunya tidak mungkin merestui pemansuhan sistem itu. Sementara bagi mereka yang tiada kepentingan, kenyataan 'terserah kepada rakyat Sabah' itu umpamakan pucuk dicita, ulam mendatang. Jika Umno Sabah ditanya umpamanya, sudah tentu ia akan memberikan jawapan yang memihak kepadanya.

Tetapi apapun perhitungan yang dibuat, persoalan mengenai pro dan kontra sistem berkenaan harus diambil kira. Apakah kebaikan sistem itu? Apakah keburukannya? Inilah dua persoalan yang wajar diperhalusi sebelum sebarang keputusan muktamad diambil.

Apakah benar pertukaran Ketua Menteri setiap dua tahun tidak baik untuk politik Sabah? Sedangkan ketika ia mula diperkenalkan dulu, sistem itu diumpamakan seperti ramuan ubat penawar untuk mengubati pelbagai penyakit yang menghurungi politik Sabah sejak sekian lama.

Sesetengah pemerhati politik melihat cadangan menghentikan sistem itu secara sinis. Tetapi tidak kurang juga yang optimistik. Alasannya, kalau ia dihentikan, yang untung tentulah Umno sedangkan parti mewakili Kadazandusun dan Cina tidak mungkin berpeluang lagi. Keadaan ini dilihat sebagai menidakkan hak dua kaum berkenaan pula, terutama Kadazandusun yang belum pun sempat menghabiskan tempoh dua tahun yang sepatutnya diberikan kepadanya dulu.

Tetapi jika sistem yang dimulakan pada 1994 ini diteruskan, apakah tidak timbul masalah memilih siapa pemimpin Kadazandusun dan dari parti mana? Atau bagi kuota Cina, tidakkah nanti tercetus pertikaian di antara empat parti berteraskan masyarakat Cina dalam BN Sabah?

Hari ini pun, kontroversi mengenai sistem itu sudah bermula apabila beberapa parti Bumiputera bukan Islam dalam komponen BN Sabah bertelagah sesama sendiri berhubung hak menyandang jawatan Ketua Menteri selepas Datuk Osu Sukam, sekali gus mewujudkan suasana politik kurang manis.

Hakikatnya, yang lebih penting dalam keadaan politik Sabah hari ini ialah menentukan kesinambungan pentadbiran cekap dan kepemimpinan yang

telus dalam semua aspek tanpa kronisme dan nepotisme.

Memandangkan penggal dua tahun Osu sebagai Ketua Menteri hanya akan berakhir pada Mac tahun depan, iaitu kira-kira tujuh bulan dari sekarang, maka persoalan mengenai sama ada meneruskan sistem itu atau sebaliknya masih ada ruang masa untuk dicari penyelesaian terbaik bagi rakyat dan politik Sabah seluruhnya.

Sesungguhnya, kerajaan perlu mendapatkan holistic view berhubung isu penggiliran itu supaya sebarang keputusan yang dibuat kelak tidak mencetuskan polemik baru sehingga mengheret kepada politik yang berpanjangan.

Melihat perkembangan itu serta pelbagai isu mewarnai politik Sabah, amat penting sekali suatu pendekatan pragmatik diambil supaya dapat diwujudkan kestabilan berkekalan yang memakmurkan rakyat. Tindak-tanduk juak-juak politik Sabah yang mengambil kesempatan daripada keributan yang dicetuskan, harus ditangani sebaik mungkin.

Di sinilah sebenarnya cabaran Osu sebagai ketua eksekutif kerajaan negeri, iaitu memastikan pentadbiran negeri berjalan di atas landasan yang betul serta memenuhi citarasa rakyat.

Janji serta manifesto BN ketika pilihan raya Sabah dan Parlimen lalu, tidak harus dilupakan begitu saja. Kepemimpinan Osu dan kerajaan negeri hanya akan menjadi kuat sekiranya mendapat sokongan padu semua pihak, terutama kalangan wakil rakyat dengan menjalankan tugas sebaik-baiknya.

Justeru, setiap pemimpin tidak harus melupai janji. Biar setinggi mana kita berdiri, jangan lupa rumput di bumi yang dipijak. Peribahasa Melayu yang menyebut 'setinggi mana terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau jua' perlu dijadikan iktibar jika pemimpin tidak mahu menerima hukuman rakyat apabila pilihan raya menjelang tiba nanti.

Kini adalah masa untuk meneruskan kerja-kerja yang tertanggung serta melaksanakan janji pilihan raya lalu. Tumpuan harus diberi kepada soal kebajikan rakyat yang memberi mandat mutlak kepada kerajaan. Zaman ini bukan lagi untuk berlagak. Setiap pemimpin perlu turun padang serta bersikap action-oriented dan menggunakan pendekatan berupa hands on dalam melaksanakan tugas. Pemimpin tidak boleh lupa daratan, sebaliknya perlu sentiasa menoleh jejak-jejak yang ditinggalkan!

(END)